

02 AUG 1999

Pemenang-pendidikan

PEMENANG MINTA KERAJAAN TUBUHKAN J/KUASA BERTINDAK PENDIDIKAN

PULAU PINANG, 2 Ogos (Bernama) -- Persatuan Melayu Pulau Pinang (Pemenang) hari ini menggesa kerajaan menubuhkan jawatankuasa bertindak bagi mengkaji dan mengatasi masalah kemunduran pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi yang dilaporkan semakin serius sekarang.

Yang Dipertuanya Datuk Mohd Yusof Latif berkata, masalah kemunduran pelajar Melayu harus ditangani secara serius kerana ia melibatkan sumber tenaga manusia masa akan datang.

Katanya, perkara itu dianggap serius kerana perancangan dan pembangunan negara, termasuk menubuhkan Koridoraya Multimedia (MSC), tidak akan bermakna jika tenaga sumber manusianya tidak dapat dipenuhi oleh masyarakat Melayu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini melahirkan kebimbangan mengenai kemunduran pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi yang semakin serius.

Dr Mahathir berkata, antara punca kemunduran itu ialah kebanyakan pelajar didapati terbabat dalam pelbagai aktiviti yang tidak berfaedah.

Yusof berkata, sebuah jawatankuasa bertindak untuk mengenalpasti punca kemunduran itu yang dikaitkan dengan pelbagai faktor termasuk pemakanan dan sikap pensyarah, hendaklah ditubuhkan dengan segera.

Katanya, Pemenang mencadangkan agar bekas timbalan perdana menteri Tan Sri Musa Hitam dilantik sebagai pengerusi jawatankuasa itu, yang turut disertai oleh pakar-pakar pendidikan seperti Tan Sri Prof Awang Had Salleh, Prof Diraja Ungku Aziz dan Datuk Dr Nik Safiah Karim.

Beliau berkata, Musa layak mempengerusikan jawatankuasa itu kerana beliau bekas menteri pendidikan dan timbalan perdana menteri yang mempunyai pengalaman dalam mempertingkatkan pembangunan pendidikan.

Dalam perkembangan lain, Yusof mempelawa masyarakat bumiputera terutama pemilik tanah di negeri ini menyertai seminar sehari mengenai "Isu Tanah Orang Melayu" anjuran Pemenang pada 19 Sept ini.

Katanya, seminar itu yang bakal dirasmikan oleh Menteri Kewangan dan Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin bertujuan membuka ruang perbincangan mengenai cara dan kaedah membangunkan tanah orang Melayu di negeri ini bagi tujuan pembangunan masyarakat itu sendiri.

"Masalah pembangunan tanah milik Melayu masih menjadi isu yang belum selesai dan wajar satu pendekatan baru diambil untuk memastikan orang Melayu terutama di bandar Georgetown tidak hanyut dalam arus pembangunan menjelang alaf baru," kata beliau.

Seminar itu akan diadakan di Dewan Sri Pinang dan setiap peserta dikenakan bayaran RM5. Mereka yang berminat boleh menghubungi Pemenang di 60 Jalan Pemenang, 10250 Pulau Pinang atau talian 04-2273092 sebelum atau pada 1 Sept ini.

-- BERNAMA

AA zb